

SINAR HARIAN

DATE: 08/09/2007

Kerajaan naikkan elaun bagi warga emas miskin kepada RM300

Sinar Harian - 8/9/2007

MULAI Januari tahun depan, elaun bagi warga emas yang miskin dan memerlukan bantuan akan dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 setiap bulan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan beban kewangan yang ditanggung kumpulan itu.

Pada masa yang sama Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata Bank Negara akan menerbitkan bon bernilai RM2 bilion untuk dilangani oleh warga emas yang berumur 55 tahun ke atas yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, dalam usaha membaiki pulangan hasil simpanan mereka.

"Kadar maksima bon yang boleh dilanggan ialah RM50,000 seorang dengan tempoh matang tiga tahun dan kadar pulangan lima peratus. Penerbitan bon ini adalah lanjutan kepada bon-bon yang pernah diterbitkan bernilai RM3.5 bilion," katanya semasa membentangkan Bajet 2008 di Parliamen di sini semalam.

Bagi menambah lagi kemudahan sedia ada, Abdullah turut mengumumkan bahawa kerajaan akan membantu



Abdullah dan timbalannya, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (kanan) menunjukkan buku Laporan Ekonomi 2007/2008 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan selepas pembentangan Bajet 2008 di Parlimen semalam.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan memperuntukkan RM25 juta geran sepadan kepada mereka.

Tanpa melupakan kumpulan orang kurang upaya (OKU), Abdullah berkata kerajaan akan meningkatkan elaun bulanan bagi pekerja dari kalangan (OKU) daripada RM200 hingga RM300, di samping membekalkan bantuan khas RM300-sebulan kepada penjaga OKU yang terlantar dan pesakit yang mengidap penyakit kronik.

Kerajaan juga akan membenarkan potongan

cukai terhadap kos pengu-
bahsuaian di tempat kerja
yang ditanggung oleh ma-
jikan OKU, bagi meng-
galakkan sektor swasta
mengambil lebih ramai
kalangan OKU sebagai pe-
kerja.

Lebih laporan
**Nasional &
Global**
setiap hari

Sinar
Harian